

Mansuh asing kelas, sekolah kawalan 2019

B/H 27/12/2017
M/S 2

➔ Kementerian mahu amalan dihentikan seiring pelaksanaan Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah

Oleh Ifwan Tun Tuah
ifwan@bh.com.my

► Nilai

Kementerian Pendidikan mengarahkan pengasingan kelas mengikut tahap penguasaan akademik murid dan sekolah kawalan, dihentikan.

Kaedah pengasingan rasmi seperti Ujian Kemasukan Tahun Satu, mesti dimansuhkan sepenuhnya bermula 2019.

Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr Amin Senin, berkata amalan itu bukan dasar pendidikan, namun dilakukan pihak sekolah dalam usaha meningkatkan pencapaian akademik mengikut Gred Purata Sekolah (GPS), yang menjadi petunjuk prestasi utama (KPI) sebelum ini.

“Selaras dengan Pelaporan Pen-

taksiran Sekolah Rendah (PPSR) yang mula dilaksanakan tahun ini, sekolah tidak lagi perlu mengejar GPS, kerana kita mahu semua murid dididik secara holistik dan tidak terlalu mementingkan pencapaian akademik semata-mata.

Tiada keperluan asing murid

“Tiada keperluan untuk pihak sekolah mengasingkan murid mengikut tahap akademik. Sebaliknya, kita menggalakkan semua pelajar yang mempunyai tahap penguasaan akademik dan kelebihan berbeza dicampurkan supaya dapat saling membantu.

“Kita faham ada sekolah masih mengamalkan pengasingan kelas kerana sudah menjadi kebiasaan sejak sekian lama. Namun, seiring dengan perubahan, terutama pelaksanaan PPSR, kita berharap amalan ini dihentikan menjelang

Kita mahu semua murid dididik secara holistik dan tidak terlalu mementingkan pencapaian akademik semata-mata”

Amin Senin,
Ketua Pengarah
Pelajaran



sesi persekolahan 2019,” katanya pada sidang media di Institut Aminuddin Baki di sini, semalam.

Beliau berkata, Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) juga mesti menghentikan sekolah kawalan, iaitu memilih pelajar berdasarkan pencapaian sukan, akademik serta disiplin, kerana tidak selaras dengan dasar pendidikan negara.

Susahkan pelajar

“Kita tidak menggalakkan amalan ini yang kadang-kala menyusahkan pelajar kerana ada sesetengah kes, pelajar terpaksa pergi ke sekolah yang jauh kerana tidak diterima di sekolah berhampiran kawasan perumahannya,” katanya.

Beliau berkata, Kementerian Pendidikan tidak bercadang mengeluarkan pekeliling berhubung semua amalan lama berkenaan, namun berharap pentadbir seko-

lah memahami perubahan yang sedang dilaksanakan Kementerian dan menerapkan amalan yang seiring Dasar Pendidikan Negara.

JPN mewujudkan sekolah atau kelas kawalan pada peringkat menengah bagi menyisih pelajar yang baik, tetapi gagal ke sekolah berasrama penuh dengan pelajar kurang cemerlang.

Pelajar dipilih memasuki Tingkatan Satu di sekolah atau kelas tertentu berdasarkan keputusan mereka dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan pembabitian dalam kokurikulum.

Antara bentuk sekolah atau kelas kawalan ialah sekolah rancangan khas, sekolah elit, sekolah premier, sekolah rancangan khas negeri, sekolah agama bantuan kerajaan, kelas rancangan khas, kelas aliran agama dan rancangan khas daerah.